

**SUBSIDI PETROL**

# 5 JUTA M40 RAIH FAEDAH

Kuala Lumpur

Kira-kira lima juta penduduk mandu daripada golongan berpendapatan sederhana (M40) dijangka turut menerima manfaat menerusi Program Subsidi Petrol (PSP) bersasar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah berkenaan merupakan tambahan penerima PSP daripada 2.9 juta penerima daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Mengikut pengumuman Bajet (Belanjawan 2020) Jumaat lalu, jika sebelum ini kita gunakan data Bantuan Sara Hidup (BSH) dan 2.9 juta penerima dikehafal pasti, apabila dibuka kepada golongan lain termasuk M40, dianggarkan (penerima) menjadi kira-kira lapan juta dengan membabitkan jumlah RM2.2 bilion," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Kelvin Yii Lee Wuen

(PH-Bandar Kuching) yang ingin tahu mengenai kesiadaan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif subsidi petrol bersasar.

Jumaat lalu, Menteri Keuangan Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2020 mengumumkan kelompok yang tidak tergolong dalam B40 juga boleh menikmati subsidi berkenaan melalui Kad95 yang akan diberikan kepada mereka yang layak – berpendapatan kurang RM4,000 tetapi tidak tersenari dalam BSH.

Saifuddin berkata, mekanisme untuk mengenal pasti lima juta penerima yang layak itu akan dibincangkan dengan pihak berkaitan termasuk Kementerian Kewangan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Tenaga Nasional Bhd.

Menjawab soalan tambahan Dr Yii sama ada nilai subsidi itu akan dinaikkan jika terdapat peningkatan minyak mentah dunia, Saifuddin berkata, nilai itu akan berubah jika terdapat perubahan iklim ekonomi dunia.

"Ketika membuat peran-



SEJUMLAH lima juta pemandu golongan berpendapatan sederhana dijangka turut menerima manfaat PSP.

## Umum mekanisme kajian tahun depan

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengumumkan hasil kajian mengenai mekanisme subsidi petrol bagi isi rumah kumpulan berpendapatan sederhana (M40) pada tahun depan, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng, semalam.

Beliau berkata, kerajaan masih dalam peringkat meneliti mekanisme tersebut yang dijangka siap menjelang Mac 2020.

"Kajian membabitkan M40 itu dijangka siap pada Mac dan kita akan umum selepas itu," katanya kepada pemberita selepas sesi Bicara Bersama Menteri Kewangan dan Pemberi Maklumat Halifax Bank Of Scotland Paul Moore, di sini, semalam.

Sesi yang dikendalikan oleh Rakan Kongsi dan Ketua Perundingan Risiko dan Perkhidmatan Forensik PwC Malaysia Alex Tan diadakan bersempena Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa 2019.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution dipetik sebagai berkata, kerajaan akan mengumpulkan maklumat sewajarnya bagi menentukan bilangan mereka daripada kumpulan M40 yang layak untuk menikmati manfaat Program Subsidi Petrol (PSP) bersaraskan sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada Jumaat lepas.

cangan libat urus dengan pemain industri sudah tentu kita menjangkakan kedudukan harga minyak mentah dunia pada ketika itu berada pada US\$50 hingga US\$60 setong, bertindak daripada panduan itu, apabila berlaku perubahan iklim politik dunia dan berlakunya kenakan, kerajaan akan melakukan *adjustment* mengikut keadaan ketika itu," tambanya. - Bernama